

## ESKATOLOGI ISLAM MENURUT BEDIUZZAMAN SAID NURSI: ANALISIS KONTEKSTUAL HADITH TANDA-TANDA KIAMAT ('ALAMAT AL-SA'AH )

Noor Azma Mohamad Khassim

*Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit  
Chandan, 33000 Kuala Kangsar,  
Perak, Malaysia  
E-mail: [noorazma@usas.edu.my](mailto:noorazma@usas.edu.my)*

Dr. Ahmad Zaki bin Hassan

*Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Sultan Azlan Shah, Bukit  
Chandan, 33000 Kuala Kangsar,  
Perak, Malaysia  
E-mail: [ahmadzaki@usas.edu.my](mailto:ahmadzaki@usas.edu.my)*

---

### Abstrak

Artikel ini memfokuskan pendekatan kontekstual Bediuzzaman Said Nursi dalam memahami hadith-hadith Nabi s.a.w. mengenai hadis tanda-tanda kiamat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis beberapa kriteria hadith yang difahami secara kontekstual oleh Bediuzzaman Said Nursi. Ciri-ciri dan kriteria-kriteria ini sangat penting diketahui oleh umat Islam supaya menjadi mekanisme pertahanan yang dapat dibina sebagai benteng penangkis syubuhat terhadap hadith dan sunnah Rasulullah s.a.w. yang sentiasa menjadi objek serangan musuh Islam. Selain itu, penting untuk digunakan di dalam menganalisa hadith-hadith yang dikatakan bermasalah dan tidak dapat difahami. Artikel ini hanya menyentuh beberapa perbincangan eskatologi yang mana hadith-hadith 'alamat al-Sa'ah dikemukakan bagi meninjau contoh penggunaan pendekatan kontekstual oleh Bediuzzaman Said Nursi.

**Kata kunci:** Rasail al-Nur, *Usūl fi Fahm al-Hadīth*, prinsip memahami hadith *mutashabihat*, eskatologi Islam.

---

## Pendahuluan

Perbincangan eskatologi Islam merangkumi perbahasan sebelum berlakunya kiamat, ketika kiamat terjadi dan juga setelah kebangkitan semula selepas kematian. Ilmu eskatologi Islam mengalami perkembangan demi perkembangan. Semenjak zaman Baginda s.a.w penekanan telah di beri kepada ilmu ini. Jelas dibuktikan di dalam sebuah hadith sahih, Malaikat Jibril datang bertanyakan kepada Rasulullah s.a.w perkara-perkara prinsip dalam agama (*Din*). Empat perkara tersebut Islam dan lima rukun, Iman dan enam rukun, Ihsan dan dua rukun serta tanda-tanda kiamat dengan dua rukun. Baginda s.a.w mengesahkan kepada Umar r.a. bahawa Jibril datang mengajarkan agama (Muslim, No.Hadith: 8). Dari hadith ini jelas eskatologi dan segala tanda sebelum berakhirnya alam ini amat dititik beratkan di dalam Islam dan merupakan sebahagian dari perkara utama di dalam Islam (Hamid, 2011). Wacana eskatologi berterusan didebatkan memandangkan hadith-hadith *ashrat al-sa'ah* iaitu hadith-hadith tentang tanda-tanda kiamat amat sukar difahami dan menimbulkan pelbagai interpretasi yang membawa kepada penolakan hadith-hadith berkenaan.

Pemahaman hadith secara kontekstual yang berpandukan manhaj ilmu yang benar amat membantu bagi meletakkan hadith sesuai pada tempatnya. Analisis hadith berpandukan manhaj yang benar akan menghasilkan kefahaman hadith yang bersifat adil dan tawazun di antara pandangan yang melihat secara zahir semata-mata (*Ifrāṭ*) dan pandangan yang melihat secara batin yang melampau (*tafrīṭ*). Sebagaimana terdapat ayat al-Qur'an yang dikategorikan sebagai ayat *mutashabihat*, begitu juga hadith Rasulullah s.a.w. ada yang berbentuk *mutashabihat*.

Artikel ini bertujuan mengenalpasti kriteria-kriteria hadith yang disebutkan oleh Bediuzzamana Said Nursi dalam memahami sebahagian hadith-hadith *Ashrat al-Sā'ah* (tanda-tanda kiamat) yang *mutashabihat*, beliau menggunakan pendekatan *takwil*. Pendekatan sedemikian terhadap hadith-hadith yang sukar difahami ini membawa kefahaman berbentuk kontekstual sehingga makna hadith-hadith berkenaan menjadi lebih hampir dan dapat difahami.

## Makna kontekstual hadith

Istilah kontekstual berasal dari perkataan konteks yang memberi maksud suatu huraian atau perkataan yang mendukung kejelasan makna, atau situasi yang mempunyai hubungan dengan suatu kejadian atau lingkungan sekelilingnya (Liliek, 2011). Di antara istilah yang digunakan di dalam bahasa arab yang berkaitan dengan pemahaman kontekstual ialah '*alaqah*, *qarinah* dan *siyāq al-kalām* (Liliek, 2011 & Faisal 2011). Yang dimaksudkan dengan pemahaman hadith secara kontekstual adalah suatu

penjelasan terhadap hadith-hadith nabi sama ada perkataan, perbuatan mahupun ketetapanya atau segala yang disandarkan kepada Nabi berdasarkan situasi dan kondisi ketika hadith itu ditampilkan supaya dapat dihubungkan dengan pemahaman yang berlaku dewasa ini sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan moden (Liliek 2011, Faisol)

Secara umumnya pendekatan kontekstual merangkumi tiga elemen utama iaitu historis, sosiologi dan antropologi. (Faisal, 2011). Elemen-elemen ini sekiranya diperhalusi di dalam perbincangan para muhaddithin didapati para ulama telah membahaskan latar belakang untuk memahami hadith ini di dalam ilmu *asbāb wuriḍ ḥadīth*, *al-bu'du al-zamāni* dan *al-bu'du al-makāni*. Pengetahuan tentang latar belakang persoalan mengapa Nabi s.a.w. bersabda demikian, kondisi sosio-budaya masyarakat dan politik pada waktu itu adalah di antara perkara-perkara yang diambil kira. Menurut Faisal (2011), perkaitan antara *al-bu'du al-zamāni* dan *al-bu'du al-makāni* dengan pemahaman hadith secara kontekstual ialah kedua-duanya mengambil kira zaman dan tempat turunnya risalah yang berbeza dengan zaman dan tempat masyarakat Islam masa kini dalam memahami hadith.

Manakala menurut Faisal (2011), pendekatan kontekstual hanya boleh diaplikasikan dalam memahami hadith-hadith yang dikategorikan sebagai *al-mutaghayyirāt* sahaja iaitu hadith-hadith yang boleh berubah dari sudut pelaksanaannya mengikut perubahan zaman dan tempat. Manakala hadith yang berkaitan *al-thawābit* yang tidak berubah dan sehingga hari kiamat tidak boleh difahami secara pemahaman kontekstual walaupun berlaku perubahan masa dan tempat (Faisal, 2012). Lantaran itu, penulis mendapati pandangan Nursi terhadap hadith-hadith berkaitan *asharāt al-sā'ah* boleh menerima pemahaman makna secara kontekstual. Menurut Nursi sebahagian hadith juga menerima pentakwilan kerana sebahagian hadith-hadith ini berbentuk *mutasyābihāt* yang mempunyai pelbagai wajah untuk difahami. Bahkan kefahamannya boleh berubah mengikut situasi dan masa. Sebagaimana beliau memberi pentakwilan terhadap ciri-ciri Dajjal dan Mahdi seperti yang disebutkan di dalam pelbagai hadith baginda s.a.w.

### **Prinsip umum memahami hadith oleh Bediuzzaman Said Nursi**

Di dalam Rasail Nur karangan Bediuzzaman Said Nursi, terdapat beberapa Risalah yang menyentuh secara khusus tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan Rasulullah s.a.w. Misalnya, Bediuzzaman Said Nursi mengumpulkan hadith-hadith yang berkaitan mukjizat baginda Nabi Muhammad s.a.w di dalam Maktub ke sembilan belas iaitu *Risalah al-Mukjizat al-Ahmadiyyah*, risalah ini juga dinamakan “*Bulan Purnama Rasail Nur*”. Manakala *Risalah Minhāj al-Sunnah* di dalam Lumaa’t ke empat, dan *Risalah Sunnah Saniyyah* yang menyentuh perkara-perkara Sunnah dan bid’ah di dalam Luma’at ke sebelas. *Risalah Mi’raj* pula dibincangkan di dalam Kalimah ke tiga puluh satu. Selain

itu, Nursi menggariskan beberapa prinsip asas untuk berinteraksi dengan hadith-hadith Nabi di dalam Kalimah ke dua puluh empat, manakala perbincangan tentang hadith-hadith tanda-tanda Qiyamah (*Ashrat al-Sa'ah*) ditulis di dalam *Shu'a'at* ke lima. Antara lain, turut dibincangkan di dalam Risalah Ahmadiyyah iaitu di dalam Kalimah ke sembilan belas, perkara yang berkaitan kerasulan Nabi Muhammad s.a.w.

Bediuzzaman Said Nursi menyentuh tentang prinsip umum bagaimana seharusnya seorang Muslim berinteraksi dengan hadith-hadith Rasulullah s.a.w di dalam Kalimah ke dua puluh empat, yang mana beliau menggariskan sebanyak dua belas prinsip. Prinsip-prinsip umum ini turut disentuh di dalam risalah yang lain termasuk *Shu'a'* kelima yang dikhkususkan perbincangan berkaitan tanda-tanda Kiamat.

Memandangkan sebahagian hadith yang berkaitan tanda-tanda kiamat dan akhir zaman agak sukar difahami, timbul beberapa pandangan tidak seimbang, sama ada menolak mentah-mentah hadith berkenaan, ataupun pandangan yang menginterpretasikan hadith-hadith berkenaan dengan kefahaman yang melampau di luar penerimaan akal manusia. Sehingga wujud kelompok Zahiriyyah (*tafrīt*) yang terikat dengan zahir matan hadith semata-mata dan Batiniyyah (*ifrāt*) yang melampau dalam menakwilkan matan-matan hadith yang *mutashabihat*.

Menurut Imaduddin Khalil, (1995) Nursi ketika membahaskan prinsip-prinsip umum dalam berinteraksi dengan hadith ini, beliau tidak semata-mata menggunakan metodologi ahli Hadith dan ilmu-ilmu hadith, malah beliau didapati menggunakan dalil-dalil, bukti dan hujah logik akal serta *hissi* (zahir dan jelas). Beliau juga menggunakan pembuktian yang meyakinkan *wijdan* dan roh.

Prinsip-prinsip umum yang digariskan Nursi dapat disimpulkan sebagaimana berikut:

*i. Perkaitan Iman dengan Kefahaman Hadith*

Selagi mana manusia berada di dalam kehidupan dunia, segala yang berlaku merupakan ujian. Dunia ini adalah tempat ujian, ertinya untuk mencapai tujuan manusia sebagai seorang hamba, manusia perlu melalui pelbagai proses ke arah itu. Sepanjang perjalanan itu manusia memerlukan *al-Dīn* (agama). *Al-Dīn* (agama) merupakan ujian untuk membezakan di antara roh-roh yang tinggi dan roh-roh yang rendah martabatnya (Nursi, 2004, al-Kalimat).

Sebagaimana ditegaskan di atas, al-din ini adalah ujian kepada hamba-hambaNya, demikian juga hadith-hadith *ashrāt al-sā'ah* berbentuk menguji keimanan manusia. Begitu juga dengan realiti yang akan terjadi dan telah pun terjadi sebelum berlakunya kiamat yang dinamakan *ashrāt al-sa'ah*. Menurut Nursi, hadith-hadith Rasulullah s.a.w. ini tampil dengan gaya bahasa (*sighah*) yang tidak begitu kabur (*laisat mubhamah*). Yang

mana akal manusia masih boleh menanggap dan memahaminya, serta tidak begitu sulit bagi akal untuk menganalisa. Dalam masa yang sama, hadith-hadith ini tidaklah datang dalam bentuk yang jelas dan terlalu mudah (*badihi*) sehingga memaksa setiap individu mempercayainya (Nursi, al-Kalimat, 386-387).

Sebaliknya penampilan hadith ini berbentuk ujian yang dibentangkan di hadapan akal manusia untuk menaakul dan menimbang, jauh sekali untuk meremehkan keupayaan akal dalam membuat pilihan.

Sekiranya secara zahir hadith-hadith tentang tanda-tanda kiamat ini jelas dan nyata, nescaya manusia tiada pilihan lagi dan terpaksa mempercayainya. Pada ketika itu, akan lenyap rahsia pentaklifan, dan kelihatan persediaan fitrah (*isti'dad fitrah*) semua manusia menjadi sama martabat. Sudah tentu bertentangan dengan firman Allah s.w.t:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلِيفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَتٌ لِّبَلْوَغُكُمْ فِي مَا أَتَنَّكُمْ إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ  
الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ ۖ ۱۶۵

*Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani. (al-An'am: 165)*

Maka tidak hairan lagi sekiranya gaya bahasa hadith sebegini yang bersifat menguji manusia, telah menyebabkan terjadinya pelbagai perbezaan di dalam memahami hadith berkaitan *ashrat al-sa'ah*. Sebagai contohnya terdapat pelbagai hadith yang diriwayatkan dalam menentukan peribadi dan sifat Imam Mahdi dan Dajjal, begitu juga tanda-tanda kiamat yang lain lagi. Maka terhasilah kelompok manusia yang menolak sekaligus hadith-hadith tanda-tanda kiamat ini kerana dirasakan tidak dapat diterima akal, sehingga mengingkari tanda-tanda kiamat. Ada juga yang menolaknya kerana terdapat hadith-hadith yang dihukum sebagai *maudu'* dan *da'if*.

Lanjutan daripada itu, Nursi menjelaskan tentang pelbagai persoalan di dalam Islam mempunyai peringkat dan tingkatannya. Pertama, terdapat sebahagian masalah yang memerlukan dalil dan bukti yang jelas serta *qat'i*. Kedua, terdapat permasalahan yang hanya memerlukan *ghalabat al-dayn* dan yang terakhir, di sana terdapat permasalahan yang hanya memerlukan penerimaan semata-mata dan tidak menolak.

Di antara prinsip yang Nursi gariskan untuk memahami hadith ialah hikmah tersembunyi sesuatu perkara dan tidak secara jelas difahami sesuatu maksud hadith. Sebagaimana dinyatakan bahawa dunia adalah medan ujian, justeru pelbagai kandungan hadith, seperti di dalam hadith tanda-tanda kiamat tidak dapat difahami secara terus oleh akal. Nursi memberi beberapa contoh seperti Allah menyembunyikan malam al-Qadar di dalam sepanjang bulan Ramadhan. Begitu juga dirahsiakan waktu mustajab doa di dalam hari Jumaat. Allah juga menyembunyikan hambanya yang soleh terdiri di kalangan *awliya'* *al-Salihin* di antara hamba-hambanya yang lain. Detik kematian (*al-ajal*) disembunyikan di dalam usia seseorang dan waktu berlakunya Qiyamah dirahsiakan di dalam usia dunia ini (Nursi, 2004, Kalimat). Nursi mengatakan begitu jugalah dalam mengenali peribadi-peribadi di akhir zaman seperti Mahdi, Dajjal, Sufyani, Yakjuj dan Makjuj, hadith-hadith datang dalam bentuk menguji manusia. Individu-individu ini juga tersembunyi sosok tubuhnya tidak dengan mudah dapat dikenali melainkan bagi mereka yang memandang dengan pandangan iman.

Nursi menyatakan Hari Kiamat dan tanda-tanda kiamat itu tersembunyi semenjak di permulaan zaman lagi. Malah semua Nabi yang datang ke bumi semenjak sebelum Rasulullah S.A.W. memberikan peringatan tentang fitnah akhir zaman dan peristiwa menjelang kiamat. Nursi menjelaskan hikmah tentang kerahsiaan sosok Imam Mahdi kerana, setiap zaman memerlukan Mahdi, ummat memerlukan seseorang yang menjadi asas kekuatan maknawiyah dan memulihkan rasa berputus asa. Jadi setiap kurun akan mempunyai habuan dan berkongsi makna Mahdi ini. Begitu juga peribadi seperti Dajjal, manusia pada setiap zaman akan berjaga-jaga dan berhati-hati dengan peribadi dan individu yang jahat, munafik membuat kerosakan. Malah sekiranya hadith-hadith dengan jelas menentukan secara spesifik individu tersebut, maka akan hilanglah faedah untuk mendidik dan memberi petunjuk umum kepada umat (Nursi, Kalimat, 391).

#### *ii. Unsur-unsur luar yang masuk ke dalam hadith*

Bediuzzaman Said Nursi memberi peringatan tentang beberapa unsur luar yang terserap masuk ke dalam matan hadith perlu diperhalusi. Sesuatu hadith yang bercampur antara matan hadith yang sebenar dan unsur luaran, perlu dibersihkan terlebih dahulu sebelum dihukum sebagai maudu' dan dibuang begitu sahaja. Terdapat riwayat *Israiliyyat* (kisah yang dinukilkan dari Bani Israil, baik yang beragama Yahudi atau Nasrani) kata-kata perawi yang disangka hadith iaitu *idraj* dan juga ilham-ilham para ulama bercampur ke dalam hadith-hadith perlu dikenal pasti kemudian diasingkan sehingga tinggal sebenar-benar hadith sabdaan Baginda Rasulullah s.a.w.

Proses membersihkan hadith daripada unsur luaran yang terserap masuk ke dalam hadith ini merupakan sebahagian tugas ulama hadith yang mahir dalam ilmu ‘ilal hadith yang bertujuan merawat matan hadith. Menurut Abul Lais (2000) di dalam menerangkan langkah-langkah ahli hadith dalam merawat matan hadith, langkah mendiagnos kewujudan sesuatu yang *shudhudh*<sup>1</sup> di dalam matan dan bentuk hadith merupakan langkah pertama yang perlu dilakukan. *Shudhudh* ini adalah seperti penambahan dalam matan hadith, terbalik (*qalb*), tidak stabil (*id̄tirāb*), *tashif* dan *idrāj*. Sekiranya terdapat antara lima perkara ini di dalam bentuk dan penampilan hadith, ia akan menimbulkan kecelaan sehingga menjadikan hadith tersebut martabatnya lemah (*da’if*).

Tiga ciri luaran yang disebut oleh Nursi perlu dibuang dari hadith selari dengan lima perkara yang digariskan oleh ahli hadith iaitu penambahan ke dalam matan; *ilhām* dan *israiliyat* serta *idraj*.



Unsur-unsur luaran yang kemungkinan terserap ke dalam matan hadith

### iii. *Sebab-sebab Perbezaan dalam memahami hadith*


Menurut Nursi, di antara punca yang menimbulkan perbezaan dalam memahami makna hadith ialah nas hadith yang berbentuk *mutasyabihat*. Seperti mana al-Qur'an mempunyai ayat-ayat *mutasyabihat*, begitu juga hadith-hadith Baginda Rasulullah s.a.w ada yang berbentuk *mutasyabihat*. Apabila berhadapan dengan nas-nas *mutasyabihat*, para ulama menggariskan dua metod iaitu sama ada melakukan takwil atau pun penyerahan mutlak,

<sup>1</sup> *Shudhudh* ialah riwayat daripada seorang perawi yang thiqah berbeza atau bertentangan daripada perawi yang lebih thiqah daripadanya ataupun berbeza daripada kumpulan perawi yang thiqah.

demikian juga hadith, terdapat perkara-perkara yang memerlukan penjelasan dan penerangan yang mendalam.

Menurut Nursi lagi, sebab perbezaan kefahaman dalam memahami hadith ialah “*nażār*”, iaitu perbezaan perspektif di antara ahli iman dan ahli ilmu eksperimental. Kedua-dua golongan ini melihat dan memahami hadith dengan cara berbeza yang mana pandangan kenabian, tauhid dan keimanan melihat kebenaran itu hanyalah pada *nūr ulūhiyyah*, akhirat dan *wahdatul kawn* (Nursi, 2004, *al-Kalimat*). Kenapa golongan ini melihat dari perspektif demikian kerana mereka menghadap seluruh pemikiran dan kehidupan mereka ke arah itu.

Manakala pandangan ahli ilmu eksperimental dan falsafah moden melihat kebenaran dengan mencari sebab-sebab empirikal yang boleh ditanggap oleh panca indera serta tabii kerana mereka sememangnya menghadapkan tawajuh mereka ke arah itu. Perspektif yang berbeza ini menghasilkan perbezaan kefahaman yang berbeza dalam memahami hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Sudah tentu jarak perbezaan di antara dua perspektif ini sangat jauh (Nursi, *al-Kalimat*, 2004).



Sebab berbeza kefahaman dalam memahami kebenaran kerana berbezanya *nażār*.

#### iv. Perkara yang perlu diketahui

Bediuzzaman Said Nursi juga menggariskan prinsip yang perlu dicermati ketika berinteraksi dengan hadith iaitu gaya Bahasa balaghah seperti hikayat, perumpamaan (*amthal*) dan *tashbih*. Lengkok Bahasa balaghah perlu difahami.

Nursi menjelaskan bahawa gaya Bahasa balaghah Rasulullah s.a.w. seperti *al-amthal* di dalam hadith yang digunakan sebagai perbandingan (*kinayah*) dan metafora (*tamhil*) bertujuan untuk mendidik dan membimbing (*al-tawjih wa al-irshad*). Peribahasa, kiasan dan perumpamaan ini berasal dari kisah-kisah rakyat (*al-hikayat*), kemudian menjadi masyhur di kalangan masyarakat. Makna *haqiqi* kisah-kisah perumpamaan sebegini tidak timbul di dalam fikiran, sebaliknya pengajaran atau tujuan ia disebarluaskan yang menjadi maksud perlu difahami. Nursi memberi peringatan tentang cara memahami hadith yang mengandungi *al-amthal* ialah dengan memahami terlebih dahulu adat budaya masyarakat yang melahirkan peribahasa dan perumpamaan sebegini. Nursi mengingatkan sekiranya terdapat kesalahan dalam makna hakiki perumpamaan dan peribahasa ini, ia kembali kepada adat budaya masyarakat itu dan juga bagaimana ia disebarluaskan di dalam masyarakat, bukan menuding kesalahan itu kepada hadith baginda Rasulullah s.a.w. (Nursi,2004, Kalimat).

Begini juga hadith-hadith yang mengandungi gaya Bahasa *al-tashbihat* dan *al-tamthilat* iaitu “ibarat” seperti contoh simpulan Bahasa Melayu “orang diam ubi berisi”. Gaya Bahasa tinggi seperti ini apabila sampai kepada orang awam, mereka akan menilai secara zahir, dan menganggap ia berbentuk fizikal sehingga tersasar jauh daripada maksud yang dikehendaki. Demikian juga *tashbihat* dan *tamthilat* yang terkandung di dalam hadith Rasulullah s.a.w, ketinggian bahasa yang melambangkan kebijaksanaan dan kesempurnaan menjadi rosak apabila tiba di tangan mereka yang jahil. Hadith-hadith yang benar dibayangkan dengan pelbagai penampilan zahir yang luar biasa dan tidak dapat diterima akal. Demikian juga hadith-hadith akhir zaman yang melibatkan pelbagai ciri Dajjal, Imam Mahdi, Nabi Isa a.s, Yakuj dan Makuj, *Dabbat al-'ard*, dan sebagainya (Nursi, 2004, Kalimat).

#### v. Perkara yang perlu diberi perhatian

Nursi menyatakan di sana terdapat hadith-hadith yang menjurus kepada perkara berkaitan kehidupan dunia, manakala sebahagian lagi kepada perkara berkaitan akhirat. Kehidupan di dunia adalah sempit dan terbatas manakala kehidupan akhirat luas dan tiada batasan. Terdapat sebahagian hadith diungkapkan dengan penuh seni dengan Bahasa amalan. Menurut Nursi usul sedemikian itu sesuai untuk *targhib* dan *tarhib*, sedangkan terdapat pula di kalangan sebahagian yang tidak meneliti secara mendalam beranggapan hadith-hadith itu bersifat keterlaluan dan ditokok tambah.

Sebagaimana pahala bacaan surah-surah tertentu, kadang-kadang sukar diterima oleh sebahagian pihak seolah-olah bilangan pahala itu keterlaluan. Sedangkan hadith-hadith sedemikian itu amat logik dan benar. Said Nursi menjelaskan bahawa setiap huruf al-Quran mempunyai pahala, iaitu satu kebaikan. Namun dengan kemuliaan dan kemurahan Allah, pahala huruf-huruf ini bertambah: **Pertama)** Pahala diganda sepuluh kali ganda kebaikan pada sesuatu masa. **Kedua)** Pahala digandakan sebanyak tujuh puluh kali ganda. **Ketiga)** Pahala digandakan sehingga tujuh ratus kali ganda sebagaimana huruf-huruf di dalam ayat kursi. Nursi menjelaskan lagi yang **keempat)** Pahala yang meningkat sehingga seribu lima ratus kali ganda sebagaimana huruf-huruf di dalam Surah al-Ikhlas, **Kelima)** Sepuluh ribu pahala kebaikan seperti ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan waktu-waktu pilihan dan malam kelima belas Sya'ban, **Keenam)** Tiga puluh ribu kebaikan seperti bacaan ayat di malam *lailatul qadr*. Kefahaman terhadap pahala-pahala yang dilipatgandakan hingga tiga puluh ribu boleh diambil kira dari ayat 3 Surah al-Qadr.

لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ

*“Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan.”*

Nursi mengajak kita membayangkan di sana terdapat sebuah kebun yang ditanam dengan seribu benih jagung. Jika sebahagian benih itu menghasilkan tujuh tangkai yang mana setiap tangkai terdapat seratus biji, maka satu biji jagung menyamai dua pertiga dari keseluruhan benih jagung yang ditanam di kebun tersebut.

Manakala bagi benih jagung lain yang ditanam, telah menumbuhkan sepuluh tangkai yang mana satu tangkai memiliki seratus biji, jadi dengan kiraan yang begitu jelas, satu biji benih tersebut sama dengan dua kali ganda benih-benih jagung yang ditanam di dalam kebun tersebut. Begitulah seterusnya dengan huruf-huruf al-Quran.

Nursi menggambarkan pula al-Quran sebagai ladang langit yang bercahaya dan suci. Setiap huruf al-Quran memiliki pahala kebaikan seperti satu biji, sebelum dikira dan didarab jumlah tangkai. Dengan menggunakan pendekatan sebegini hadith-hadith yang menghabarkan tentang kelebihan amalan-amalan dapat difahami dan diterima.

Di sini hanya dua contoh hadith beserta kupasan Nursi secara kontekstual dalam memahami hadith di bawa. Di sana masih terdapat hadith-hadith lain.

1. Hadith tentang Kiamat terjadi apabila nama Allah tidak lagi disebut.

Bediuzzaman Said Nursi membawakan secara mafhum bahawa terdapat hadith yang menyebutkan tidak akan tinggal sesiapa pun di akhir zaman yang mengucapkan Allah...

Allah (Nursi, 1993, *Shu'a'at* & 2004, *Maktubat*). Dapat difahami hadith yang dimaksudkan oleh beliau seperti yang diriwayatkan oleh Muslim daripada Anas r.a berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " لَا تَقُومُ السَّاعَةُ ، حَتَّىٰ لَا يُقَالَ فِي  
الْأَرْضِ : اللَّهُ اللَّهُ اللَّهُ"

*Ertinya: Tidak akan berlaku kiamat, sehingga tidak di sebut di muka bumi  
Allah...Allah.<sup>2</sup>*

Kalimah "حتى لا يقال" menurut al-Tayyibi membawa maksud tidak disebut nama Allah malah tidak juga diibadati iaitu Allah tidak disembah (Al-Mubarakfuri, 375). Daripada hadith di atas, Bediuzzaman Said Nursi memberikan dua bentuk takwil yang didapati sesuai dengan makna kontekstual.

### **Takwilan pertama:**

Kandungan hadith ini menunjukkan khabar tentang penutupan tempat-tempat zikir seperti *zawiyah-zawiyah* (*tempat kelompok-kelompok sufi yang awal dibangun.*), *takeya* sufi dan sekolah-sekolah agama, yang mana di situ menjadi kebiasaan disebut nama Allah. Malah nama-nama Allah di dalam kebanyakan perkara yang menjadi syiar Islam turut diubah seperti di dalam azan dan iqamah. Sebagaimana di Turki ketika zaman Nursi, azan telah ditukar ke Bahasa Turki dan tidak lagi menggunakan Bahasa Arab (Nursi, 1993, *Shu'a'at*).

Bagi Nursi, hadith ini bukanlah membawa maksud keseluruhan manusia akan jatuh ke dalam kekufuran, kerana menurut beliau, menafikan ketuhanan adalah satu perkara yang tidak dapat diterima oleh akal berbanding menafikan alam semesta dan cakerawala. Akal tidak dapat menerima bahawa sebahagian besar manusia telah mengingkari Allah, apatah lagi untuk menerima bahawa keseluruhan manusia telah mengingkari Allah.

Dapat difahami Bediuzzaman Said Nursi menganalisis hadith ini sedemikian apabila perkara itu terjadi di hadapan mata beliau. Beliau menyaksikan pengharaman lafaz-lafaz

---

<sup>2</sup> Hadith Riwayat Muslim, Kitab al-Fitan wa ashrat al-sa'ah, Bab Dhihab al-Iman Akhir Zaman, No.Hadith:211; Al-Tirmidhi, Kitab al-fitān, Bab Ma Ja' fi Ashrat al-Sa'ah, no.hadith: 2303.

kalimah Allah di Turki. Malah penutupan sekolah-sekolah agama juga terjadi di beberapa Negara sebagaimana diketahui berlaku di sekitar negara-negara berfahaman Komunis.

Kemungkinan hadith ini disangka berlaku secara umum merangkumi umat Islam secara keseluruhan di dunia ini, sedangkan hadith ini lebih berbentuk khusus di sebahagian kawasan sahaja (Nursi, 1993, Shu'a'at).

### **Takwilan kedua:**

Roh orang mukmin akan dicabut serentak sekaligus, supaya orang mukmin tidak menyaksikan kedahsyatan hari kiamat. Sehingga apabila tiada lagi orang mukmin yang menyebut nama Allah, ketika itu akan meletus kiamat yang hanya akan disaksikan oleh orang kafir sahaja (Nursi, 1993, Shu'a'at).

Takwilan kedua ini sebagaimana diperakui oleh Abu al-Fida' Ibn Kathir(2007), bahawa *al-sa'ah* (Kiamat) itu tidak akan berlaku kepada ahli Tawhid (*Muwahhid*), tetapi akan terjadi ke atas manusia-manusia yang jahat (Ibn Kathir 2007; Al-Mubarafuri,t.t).

Sebagaimana disebutkan oleh An-Nawawi, hadith Abdullah bin Mas'ud riwayat Muslim, bahawa kiamat tidak akan berlaku melainkan ke atas sejahat-jahat makhluk. Angin dari arah Yaman akan tiba lalu dicabut roh-roh orang beriman ketika hampirnya berlaku kiamat (Al-Mubarafuri,t.t).

### 2. Hadith tentang bilangan wanita lebih ramai berbanding lelaki

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم في رواية عن أنس :

لَا حَدِّثَنَا حَدِيثًا لَا يُحَدِّثُكُمْ أَحَدٌ بَعْدِي ، سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَقُولُ " : مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ ، أَنْ يَقُلَّ الْعِلْمُ ، وَيَظْهَرَ الْجَهَلُ ، وَيَظْهَرَ الرِّتَابَا ، وَتَكْثُرُ النِّسَاءُ ، وَيَقُلَّ الرِّجَالُ حَتَّى يَكُونَ لِخَمْسِينَ اُمْرَأَةً أَقْتَيْمُ الْوَاحِدِ . " <sup>3</sup>

---

<sup>3</sup> Sahih Bukhari, Kitab al-'ilm, Bab Raf' al'ilm wa Zuhur al-Jahl, no.hadith 80; al-Tirmidhi, Abwab al-Fitan, Bab Ma Ja' fi ashrat al-sa'ah. no.hadith 2301.

*“...Di antara tanda-tanda kiamat adalah dikurangkan ilmu, berleluasa kejahilan, berleluasa zina, ramainya wanita, sedikit lelaki sehingga terjadilah bilangan lima puluh orang perempuan bersamaan dengan seorang lelaki yang qayyim.”*

Beberapa makna kontekstual dapat difahami daripada hadith ini. Bediuzzaman Said Nursi mentakwilkan hadith ini dengan tiga takwilan.

### **Takwilan pertama:**

Menurut Nursi, hadith ini menggambarkan bahawa perkahwinan syar'ie menurut Islam berkurangan malah terangkat. Beliau menyatakan perkara ini telah pun berlaku di Rusia<sup>4</sup>. Lelaki yang mahukan kebebasan dan tidak mahu terikat dengan peraturan akan mengelakkan perkahwinan dan juga ikatan dengan seorang perempuan sahaja. Tanpa perkahwinan dia bebas bergaul dengan ramai perempuan. Lelaki sebegini menyamai empat puluh perempuan yang malang (Nursi, 1993, *Shu'a'āt*).

### **Takwilan kedua:**

Manakala dari sudut yang lain, hadith ini menggambarkan dalam bentuk kinayah kepada kematian ramai golongan lelaki di dalam peperangan yang berlaku ketika fitnah terjadi.

Takwilan ini sebagaimana pandangan Hafiz Ibn Hajar dan al-Mubarakfuri menaqalkan kata-kata Ibn Abdul Malik, hadith ini menunjukkan kepada banyaknya berlaku pembukaan negara-negara, maka ramailah hamba sahaya. Jadi seorang lelaki mendapat beberapa orang hamba perempuan (Al-Mubarakfuri, t.t). Begitu juga al-Qurtubi mendakwa ketika fitnah semakin merebak, pada ketika itu semakin banyak kematian golongan lelaki kerana kerana lelaki golongan yang menyertai peperangan bukan wanita (al-Qurtubi, 1405h). Dalam hal ini, Imam Nursi mengambil takwilan ulama' terdahulu.

### **Takwilan ketiga**

Manakala takwilan Nursi yang ketiga tentang hadith ini ialah kinayah tentang bilangan kelahiran anak-anak perempuan yang semakin bertambah. Perkara ini merujuk kepada *iradah* Allah dan *qudrat* Allah yang mengurangkan bilangan kelahiran bayi lelaki dan bertambahnya kelahiran bayi perempuan (Ahmad Fahmi Zamzam& Al-Mubarakfuri, t.t).

---

<sup>4</sup> Dapat difahami demikian apabila Rusia berpegang dengan fahaman Komunisme yang tidak mempercayai agama, jadi apa sahaja yang berasal dari Agama adalah terlarang di Rusia. Termasuklah akad perkahwinan syar'ie di dalam Islam.

Ini berdasarkan hikmah Ilahiyah yang menjadikan banyaknya kelahiran bayi ialah perempuan (Nursi, 1993, Shu'a'āt).

Al-Hafiz Ibn Hajar menyifatkan bahawa yang terzahir daripada hadith tersebut bahawa bilangan wanita bertambah ialah ‘alamat kiamat semata-mata, bukanlah disebabkan perkara lain. Malah Allah berupaya di akhir zaman untuk mengurangkan bilangan lahirnya lelaki dan memperbanyakkan kelahiran bayi perempuan. Malah, apabila bertambah banyak perempuan sebagai tanda kiamat, munasabahlah akan bertambahnya kejahilan dan diangkat ilmu (Al-‘Asqalani, 1379h). Al-Mubarakfuri (t.t) juga berpandangan demikian. Dikatakan nisbah seorang lelaki menyamai lima puluh perempuan. Bilangan ini sama ada hakikatnya sedemikian atau ia *majaz* kepada bilangan yang banyak (al-‘Asqalani, 1379h).

### **Penutup**

Sebahagian hadith tidak dapat difahami secara langsung. Sehingga terdapat golongan yang memilih untuk menolak hadith tersebut, sehingga membawa kepada menolak usul-usul iman yang berkaitan. Pendekatan kontekstual sedikit sebanyak akan membantu kefahaman sesuatu hadith. Sebagaimana Bediuzzaman Said Nursi berusaha membawakan beberapa prinsip umum yang boleh digunakan dalam memahami hadith yang pada zahirnya seperti tidak dapat difahami. Setelah diberi sentuhan kefahaman secara kontekstual dan takwilan dari sudut pandang yang lain, hadith-hadith yang menjadi perbicangan khusus di dalam eskatologi kelihatan sesuai dengan kefahaman akal. Individu-individu utama atau kelompok dalam perbicangan eskatologi seperti Mahdi, Dajjal, Nabi Isa a.s, ya’juj makjuj dan dabbah al-ard terdapat banyak riwayatnya dalam hadith-hadith yang bersifat *mutashabihat*. Namun metod analisis kontekstual ke atas hadith *mutashabihat* menjadikan ia dapat difahami dan diterima.

## Rujukan

- [1] Ahmad Fahmi Zamzam, *40 Hadith Akhir Zaman*. Kuala Lumpur. Galeri Ilmu.
- [2] Al-Nawawi. 2001. *Sharh Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- [3] Al-Bukhari. 1998. *Sahih al-Bukhari*. Riyadh: Bayt al-Afkar Al-Dawliyyah.
- [4] Al-Mubarakfuri. T.t. *Tuhfah al-Ahwadhi*. Jil.6. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [5] Al-Qurtubi. 1405h. *Al-Tadhkirah fi Ahwal al-Mawta wa Umur al-Akhirah*. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [6] Bediuzzaman Said Nursi. 1993. *Shu'a'at*. Kaherah. Sozler.
- [7] Bediuzzaman Said Nursi. 2004. *Kalimat*. Kaherah. Sozler.
- [8] Bediuzzaman Said Nursi. 2004. *Maktubat*. Kaherah. Sozler.
- [9] Faisal Ahmad Shah. Pendekatan Kontekstual dalam Memahami Hadith-hadith Rasulullah S.A.W. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. Jil. 4 (Julai). 2011.
- [10] Ibn Hajar al-'Asqalani (1379h). *Fath al-Bari, Sharh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- [11] Imaduddin Khalil. 1995. *Al-Rasul fi Rasail al-Nur*.
- [12] Jawiah Dakir dan Faisal Ahmad Shah. A contextual Approach in Understanding The Prophet's Hadith: An Analysis. *Journal of Applied Sciences Research*. 8(7).2012.
- [13] Liliek Channa Aw. Memahami Makna Hadis Secara Tekstual dan Kontekstual. *Ulumuna*. Vol.XV. No. 2. Disember 2011.
- [14] Muhammad Abul Lais. "Al-Manhaj al-'Ilmi 'ind al-Muhaddithin fi ta'amul ma'a mutun al-Sunnah". *Jurnal Islamiyyat al-Ma'rifah*. Bil.013.